

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PORT DICKSON] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian pada kontrak yang bernilai RM11 bilion bagi projek pelebaran jalur lebar 5G dan mengapakah syarikat Ericsson dan Digital Nasional Berhad dipilih sebagai pemaju utama industri 5G ini serta siapakah perunding luar yang dipilih Kerajaan bagi membantu menasihati projek jalur lebar ini.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, angka RM11 bilion bukan merujuk kepada nilai kontrak bagi projek pelebaran jalur lebar 5G. Nilai tersebut merupakan anggaran kos awal bagi pembangunan infrastruktur dan rangkaian 5G di seluruh negara, serta penyediaan perkhidmatan 5G secara borong kepada pemegang lesen telekomunikasi di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.
2. Berkenaan hal ini, kerangka perkakasan rangkaian dan infrastruktur bagi Rangkaian Liputan 5G Malaysia telah dibangunkan oleh Digital Nasional Berhad (DNB) setelah berunding bersama Operator Rangkaian Mudah Alih (*Mobile Network Operators*) dari segi keperluan-keperluan mereka.

3. Anggaran awal kos Rangkaian Liputan 5G ini adalah berjumlah RM11 bilion bagi tempoh 10 tahun akan datang, seperti yang diumumkan pada 1 Julai 2021. Kos tersebut merujuk kepada:

- a) RM4 bilion untuk perkakasan rangkaian;
- b) RM6 bilion untuk kos infrastruktur rangkaian, iaitu bagi menara, penyewaan tapak, gentian atau fiber telekomunikasi, tenaga elektrik dan kos-kos lain;
- c) manakala RM1 bilion lagi adalah bagi bayaran fi Penguntukan Radas (*Apparatus Assignment*) kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

4. Susulan semakan terkini oleh DNB, mereka telah mendapati bahawa sejumlah RM1.5 bilion lagi diperlukan untuk fiber berspesifikasi tinggi dan dengan *throughput* yang lebih pantas bagi tempoh 10 tahun akan datang daripada Telekom Malaysia (TM). Tambahan ini adalah bagi menaik taraf infrastruktur fiber yang sedia ada di negara ini untuk menyokong keperluan *throughput* yang tinggi dan menyediakan pengalaman 5G yang lebih baik. Oleh itu, secara keseluruhan, kos bagi perkakasan dan infrastruktur Rangkaian Liputan 5G negara kini dijangka berjumlah RM12.5 bilion.

Tan Sri Yang di-Pertua,

5. Pada bulan April 2021, DNB telah memulakan proses penilaian tender untuk melantik pembekal perkakasan rangkaian (*network equipment provider* atau NEP), bagi menjalankan kerja-kerja rekabentuk, pelaksanaan, operasi dan penyelenggaraan Rangkaian Liputan 5G. Proses penilaian tender telah dijalankan berdasarkan nasihat daripada firma perundingan antarabangsa Ernst & Young Consulting Sdn Bhd., dan telah melibatkan lebih daripada 50 para profesional industri dan pakar bebas daripada lebih 10 negara.

6. Hasil daripada proses penilaian tender ini, Ericsson telah mendapat penilaian tertinggi bagi kesemua kriteria dan dipilih sebagai pembekal

perkakasan rangkaian. Pemberat tiga kriteria tersebut adalah dari aspek teknikal (55%), komersial (30%) dan sosio-ekonomi (15%), yang mana telah ditetapkan untuk menentukan pembida yang berjaya.

Tan Sri Yang di-Pertua,

7. Berkaitan dengan soalan mengenai perunding luar yang dipilih bagi membantu menasihati projek Rangkaian Liputan 5G ini, pihak Ernst & Young Consulting Sdn Bhd telah dilantik bagi menasihati tentang hal-hal berkaitan penubuhan syarikat DNB dan memberikan khidmat kepakaran di dalam bidang perancangan perniagaan, pemodelan kewangan, pengurusan program strategik, rekabentuk organisasi serta pengurusan pengawalseliaan dan tender.

8. Selain Ernst & Young Consulting, terdapat beberapa firma antarabangsa turut dilantik untuk memberikan khidmat perundingan teknikal ketika penilaian proses tender. Walau bagaimanapun, DNB tidak dapat menyatakan secara khusus nama-nama firma perundingan yang dilantik atas obligasi kerahsiaan dalam tender yang telah dijalankan. Firma-firma antarabangsa ini dilantik untuk memberikan khidmat perundingan teknikal berdasarkan kepakaran masing-masing seperti berikut:

- a) Pembangunan kriteria penilaian teknikal;
- b) Pembangunan kriteria penilaian sekuriti siber;
- c) Penilaian teknikal dan komersial daripada perspektif operator telekomunikasi; dan
- d) Pembangunan analisis tekno-komersial, penilaian dan proses rundingan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI [IGAN]

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI [IGAN] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh manakah kesan pandemik COVID-19 ke atas industri pelancongan di Sarawak dan apakah perancangan dan tindakan-tindakan Kementerian untuk memulihkan industri berkenaan khususnya dari segi mempromosikan produk-produk pelancongan serta insentif yang diberikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penularan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan bermula Mac 2020 telah menyebabkan industri pelancongan negara terutamanya yang berkaitan dengan penginapan, pengangkutan, membeli-belah, makanan dan minuman, dan penganjuran acara-acara perniagaan (*Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions - MICE*) terjejas teruk.
2. Bagi negeri Sarawak khususnya, data oleh Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak (MTAC) melaporkan, kedatangan pelancong ke Sarawak pada tahun 2020 telah mencatatkan penurunan sebanyak 74.3% berbanding tahun 2019.
3. Menurut Survei Pelancongan Domestik 2020 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kerugian bagi pelancongan domestik di Sarawak bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM5.3 bilion, penurunan sebanyak 61% berbanding tahun 2019.
4. Dalam usaha memulihkan industri pelancongan negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menerusi Tourism Malaysia melaksanakan pelbagai program bagi mempromosikan produk-produk pelancongan negeri di seluruh negara.
5. Antara promosi yang ditawarkan dalam bentuk insentif menerusi kerjasama bersama persatuan-persatuan hotel, syarikat penerbangan dan persatuan syarikat pengendali pelancongan bagi pelancongan domestik adalah:
 - (i) baucar sehingga RM100 bagi pembelian pakej penginapan dan pakej membeli-belah;

NO. SOALAN : 19

- (ii) tawaran diskaun antara RM30 hingga RM100 bagi tiket penerbangan sehala dan pergi balik (*return ticket*); dan
 - (iii) baucar sebanyak RM100 bagi pakej-pakej pelancongan.
6. Pada masa yang sama, Tourism Malaysia juga mempromosikan pakej-pakej pelancongan domestik, antaranya menerusi:
- (i) pelaksanaan Kempen Pakej Cuti Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan sempena kempen Cuti-Cuti Malaysia yang menyasarkan 1.2 juta ahli CUEPACS dan 700,00 pesara Kerajaan untuk melancong di dalam negara; dan
 - (ii) penyertaan dalam Pameran MATTA Fair pada 20-21 November 2021. Sebanyak 165 pakej pelancongan telah terjual menerusi Pavilion Tourism Malaysia dengan nilai jualan sebanyak RM 1.3 juta.
7. Selain itu, pakej-pakej inap desa di bawah Program Pengalaman Homestay Malaysia turut dipromosikan melalui:
- (i) portal *jomhomestay.my* yang menawarkan diskaun sehingga 50% bagi pakej-pakej pelancongan inap desa di seluruh negara sehingga 31 Disember 2021; dan
 - (ii) platform promosi Tourism Malaysia digital melalui laman sesawang mikro Deals & Packages yang boleh diakses oleh para pengusaha Program Pengalaman Homestay Malaysia dengan melayari laman sesawang utama *www.malaysia.travel*.
8. Selanjutnya, MOTAC akan meneruskan kerjasama dengan Lembaga Pelancongan Sarawak (STB) dalam mempromosikan Sarawak dengan mempromosikan program “Cuti-Cuti Sarawak” yang diperkenalkan oleh STB melalui penyertaan di MITA Travel Fair, Cuti-Cuti Malaysia Travel Fair,

NO. SOALAN : 19

Corporate Travel Bazaar, Misi Jualan Domestik dan Tourism Malaysia Travel Mart.

9. Bagi promosi pelancongan antarabangsa pula, antara perancangan aktiviti promosi Tourism Malaysia yang dirangka sebagai persediaan menerima pelancong asing adalah:

- (i) bekerjasama dengan Lembaga Pelancongan Sarawak (STB) bagi menyertai pameran-pameran pelancongan antarabangsa seperti *World Travel Mart London*, *ITB (International Tourism Bourse) Berlin* dan *MATKA Nordic Travel Fair* yang merupakan antara platform terbaik bagi merangka pakej-pakej percutian dengan rakan-rakan industri antarabangsa termasuk pakej dwidestinas Sabah atau destinasi-destinasi lain di Semenanjung Malaysia;
- (ii) menerbitkan program dokumentari pelancongan bagi mempromosikan destinasi pelancongan negara menerusi rundingan kerjasama dengan penerbit-penerbit filem luar negara;
- (iii) menganjurkan lawatan suai kenal bagi pihak media, blogger, majalah pelancongan dan ejen-ejen pelancongan bagi meningkatkan publisiti dan familiarasi dengan produk-produk pelancongan di Sarawak. Sebagai contoh, penganjuran program *MegaFam* bersempena *Sarawak Rainforest Music Festival* pada Julai 2019 yang menerima kunjungan 18 media antarabangsa dari Australia, Austria, Jerman, Russia, Netherlands, Amerika Syarikat, Korea, Japan, Taiwan, Cambodia, Laos, Vietnam dan Singapura;
- (iv) Merangka kempen-kempen digital dengan portal-portal pelancongan antarabangsa bagi melariskan pakej-pakej jualan antarabangsa termasuk ke Borneo;
- (v) Membuat liputan mengenai destinasi-destinasi di Sarawak melalui *E-Newsletter* sebagai panduan kepada pembaca untuk merancang pembangunan pakej, promosi, dan perkembangan terkini mengenai

NO. SOALAN : 19

destinasi-destinasi tersebut. *E-Newletter* ini akan diedar kepada pejabat TM luar negara, pejabat TM Wilayah, agensi pelancongan dalam dan luar negara; dan

- (vi) Mengadakan program kerjasama dengan *Sarawak Trade and Tourism Office* di Singapura bagi mempromosikan produk-produk pelancongan Sarawak kepada pasaran Singapura.

10. Dalam usaha menambah nilai khazanah warisan Sarawak sebagai produk pelancongan, MOTAC melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) telah mewarta dan mengiktiraf antaranya, Sape, Adat Petudui (Melanau Sarawak), Manok Pansoh, Pua Kumbu, Pengap dan lain-lain.

11. Selain Taman Negara Gunung Mulu yang telah memperolehi pengiktirafan sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO pada tahun 2000, JWN juga telah menghantar dokumen pencalonan *Tentative List* Taman Negara Niah, Sarawak sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada 21 Januari 2021. Pada masa ini, pihak JWN sedang bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak untuk menyediakan dokumen pencalonan (*dossier*) Taman Negara Niah sebagai Tapak Warisan Dunia.

12. Di samping itu, MOTAC juga akan meneruskan usaha untuk membantu menghidupkan semula industri pelancongan negara melalui pelbagai inisiatif yang telah diumumkan oleh Kerajaan melalui Bajet 2022 seperti:

- (i) penyelenggaraan infrastruktur pelancongan;
- (ii) pemberian geran padanan bagi tujuan pembaikan hotel bajet dan homestay yang berdaftar di bawah MOTAC;
- (iii) pemberian geran padanan kepada syarikat yang menganjurkan program berkaitan seni dan budaya; dan
- (iv) dana galakan bagi tujuan aktiviti promosi dan pelancongan domestik.

NO. SOALAN : 19

13. Kerajaan juga menyediakan insentif dalam bentuk pembiayaan bagi membantu pemulihan industri pelancongan, antaranya *PENJANA Tourism Financing* (PTF) yang bertujuan untuk menyokong perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan melalui usaha mengekalkan keupayaan mereka dan membantu mereka membuat perubahan supaya kekal berdaya saing selepas COVID-19. Tambahan pula, MOTAC juga menyediakan insentif-insentif seperti Skim Infrastruktur Pelancongan (SIP) dan Tabung Khas Pelancongan (TKP) dalam usaha menggalakkan pelaburan pelancongan kepada pengusaha-pengusaha industri pelancongan.

14. Selain itu, MOTAC turut menyediakan bantuan bukan kewangan bagi meringankan beban syarikat-syarikat pelancongan yang akan dilanjutkan sehingga 31 Mac 2022, antaranya adalah:

- (i) kelonggaran berkaitan kompaun;
- (ii) pengecualian fi lesen kepada pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong; dan
- (iii) kelonggaran syarat lesen kepada pengusaha pelancongan, seperti permohonan pembaharuan lesen/ tambah bidang/ tambah cawangan tanpa laporan kewangan beraudit, kelonggaran keluasan premis, penyewaan premis perniagaan secara *co-share office space* dan kebenaran untuk menjalankan perniagaan lain di premis syarikat.

Sekian, terima kasih.